



## NOTIS PRIVASI DATA APAC

### ***Notis ini menyatakan cara Northern Trust akan memproses maklumat peribadi sebagai seorang Pengawal Data***

Kami mengambil privasi anda dengan serius dan menghargai ketelusan pada standard tertinggi. Lebih separuh abad ini, kami terus beroperasi di rantau APAC dan memenuhi keperluan privasi pelanggan kami.

#### **SIAPA KAMI**

Notis ini menyatakan cara ahli-ahli kumpulan Northern Trust (secara kolektif dan individu, "Northern Trust" atau "kami") akan mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan/atau selainnya memproses ("memproses") maklumat peribadi (yang istilah di mana digunakan dalam notis ini akan melainkan konteks memerlukan sebaliknya termasuk rujukan kepada maklumat peribadi sensitif, jika ada) sebagai seorang pengawal atau pengawal bersama (*joint controller*) berkenaan dengan:

- penyediaan apa-apa produk dan perkhidmatannya;
- penyediaan atau penawaran apa-apa produk atau perkhidmatan kepada anda;
- penyediaan penyelesaian pelabur global Northern Trust ("Matriks Northern Trust");
- pemasaran apa-apa produk atau perkhidmatan Northern Trust yang dilaksanakan oleh Northern Trust;
- kewajipan-kewajipan kawal selia Northern Trust termasuk, kenali-pelanggan anda dan pencegahan pengubahan wang haram;
- pengurusan dan pengendalian perniagaan-perniagaan dan laman-laman web kami; atau
- pengurusan dan pengendalian harta-harta dan premis-premis kami.

Dalam notis ini, "anda" bermaksud:

- (i) mana-mana pelanggan individu Northern Trust atau pelabur individu dalam dana pelaburan yang mana Northern Trust bertindak sebagai pembekal perkhidmatan (setiap satu "Dana");
- (ii) mana-mana individu yang mewakili atau diupah oleh mana-mana pelanggan institusi Northern Trust atau mana-mana pelabur institusi dalam Dana, atau yang merupakan pemegang saham, setlor, benefisiari, pengarah, pegawai atau pemilik benefisial muktamad bagi pelanggan institusi atau pelabur institusi tersebut;

#### **KANDUNGAN**

<u>Siapa Kami</u> .....	1
<u>Bagaimana Kami Memperoleh Maklumat Peribadi Anda</u> .....	2
<u>Bila Kami Memperoleh Maklumat Mengenai Pihak-pihak Ketiga Daripada Anda</u> .....	3
<u>Jenis-jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpul</u> .....	4
<u>Mengapa Kami Memproses Data Peribadi Anda Dan Asas Undang-Undang</u> .....	5
<u>Bila Kami Bertindak Sebagai Pemproses</u> .....	7
<u>Bila Kami Berkongsi Data Anda Dengan Orang Lain</u> .....	7
<u>Bila Kami Pindah Data Anda Ke Peringkat Antarabangsa</u> .....	7
<u>Berapa Lama Kami Menyimpan Data Anda</u> .....	8
<u>Memastikan Data Peribadi Anda Adalah Terkini</u> .....	8
<u>Hak-hak Subjek Data Anda</u> .....	8
<u>Bagaimana Untuk Menghubungi Pihak Berkuasa Penyeliaan</u> .....	9
<u>Bagaimana Untuk Menghubungi Kami</u> ..	10
<u>Entiti-Entiti Northern Trust</u> .....	11

(iii) mana-mana individu yang mewakili atau diupah oleh mana-mana pengajur, pengurus pelaburan, pengurus dana atau pengurus dana pelaburan alternatif sesuatu Dana (setiap satu "Pengurus");

(iv) mana-mana individu yang diupah oleh pembekal-pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan kongsi perniagaan kami.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang penggunaan maklumat peribadi anda oleh kami, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di [Privacy Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com).

Kami boleh meminda notis ini dari semasa ke semasa untuk mengekalkan kebolehgunaan dengan keperluan undang-undang yang berkenaan dan model pengendalian global kami. Jika terdapat perubahan material pada notis ini, kami akan berusaha untuk memberi maklum balas kepada anda dengan menyertakan notis perubahan dalam notis ini atau sebagai sebahagian daripada surat-menyeratterikat kami dengan anda. Kami menggalakkan anda untuk semak laman ini dari semasa ke semasa untuk melihat versi terkini notis ini.

#### **BAGAIMANA KAMI MEMPEROLEH MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

Bagaimana dan mengapa kami memperoleh maklumat peribadi anda mungkin bergantung pada kapasiti yang anda berinteraksi dengan kami.

Kami akan memperoleh sesetengah maklumat peribadi anda terus daripada anda, seperti semasa anda ialah pelanggan untuk apa-apa produk dan perkhidmatan kami atau anda melengkapkan borang, mendaftar untuk pemasaran atau memilih untuk memberikan maklumat peribadi kepada kami sebagai sebahagian daripada Matriks Northern Trust, termasuk berkenaan dengan ciri-ciri keselamatan portal pelabur Northern Trust yang membentuk sebahagian daripada Matriks Northern Trust ("**Portal Matriks**").

## NOTIS PRIVASI DATA APAC

Kami juga akan memperolehi sesetengah maklumat anda secara tidak langsung daripada pelanggan-pelanggan Northern Trust, daripada Dana-dana, daripada pelabur dalam Dana(-dana) (setiap satu "Pelabur"), atau daripada Pengurus, jika anda telah dilantik oleh pelanggan tersebut, Pelabur atau Pengurus untuk mengakses dan menggunakan apa-apa produk dan perkhidmatan Northern Trust termasuk Matriks Northern Trust, bagi pihaknya. Jika anda ialah pelabur dalam sesuatu Dana, rujukan kepada Pelabur dalam notis ini hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada anda.

Kami juga akan memperoleh sesetengah maklumat anda secara tidak langsung semasa kami menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut kepada pelanggan-pelanggan institusi kami:

Bidang Perniagaan	Gambaran Keseluruhan Ringkas
<b>Pengurusan Pelaburan</b>	Menguruskan portfolio-portfolio pelaburan pelanggan atas dasar budi bicara dalam akaun-akaun yang diuruskan secara berasingan.
<b>Jagaan (<i>Custody</i>)</b>	Jagaan ( <i>custody</i> ) portfolio global aset-aset pelanggan-pelanggan dengan pelbagai perkhidmatan tambahan yang ditawarkan, contohnya perkhidmatan-perkhidmatan penyimpanan selamat, kutipan pendapatan, pemilihan proksi ( <i>proxy voting</i> ), penyelesaian perdagangan, pemprosesan tindakan korporat dan tuntutan cukai ( <i>tax reclaimation</i> ).
<b>Pentadbiran Dana (dengan Agensi Permindahan)</b>	Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan penilaian dana dan perakaunan serta perkhidmatan-perkhidmatan agensi permindahan kepada pelanggan-pelanggan, termasuk pentadbiran dana termasuk perkhidmatan pelabur penuh, pemprosesan transaksi, pelaporan dan penyimpanan rekod.
<b>Pentadbiran Dana (tanpa Agensi Permindahan)</b>	Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan penilaian dana dan perakaunan kepada pelanggan-pelanggan termasuk pentadbiran dana termasuk pemprosesan transaksi, pelaporan dan penyimpanan rekod.
<b>Pemegang Simpanan</b>	Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pemegang simpanan serta pengawasan ( <i>oversight</i> ) untuk pelanggan-pelanggan dana dan perkhidmatan-perkhidmatan pengesahan asset, pemantauan tunai dan penyelarasian ( <i>reconciliation</i> ) dan pematuhan pelaburan.
<b>Perkhidmatan Syarikat Pengurusan</b>	Menyediakan perkhidmatan syarikat pengurusan termasuk pengurusan pentadbiran dana pelaburan dan perkhidmatan pemasaran/pengedaran kepada pelanggan.
<b>Pembrokeran</b>	Perkhidmatan-perkhidmatan urusniaga pelaksanaan sahaja ( <i>execution-only</i> ) berkaitan dengan beberapa jenis pelaburan berbeza yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan.
<b>Pengurusan Kekayaan/GFO</b>	Menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pemegang amanah dan/atau pengaturan-pengaturan jagaan ( <i>custody</i> ), perkhidmatan-perkhidmatan perbankan, penyediaan penyata-penyata kewangan dan perkhidmatan-perkhidmatan pelaporan cukai kepada pelanggan-pelanggan bernilai bersih tinggi.
<b>Ekuiti Swasta</b>	Pentadbiran kedua-dua perkongsian am dan terhad untuk pelanggan-pelanggan.

Kami akan menerima maklumat tentang anda apabila Northern Trust bertindak sebagai pembekal perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan institusinya dan jika anda mewakili atau diupah oleh pelanggan institusi tersebut atau jika anda merupakan pelabur, pemegang saham, setlor, beneficiari, pengarah, pegawai atau pemilik beneficiarial dasar pelanggan institusi tersebut. Kami juga memperoleh maklumat tentang anda daripada pembekal-pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan kongsi kami jika anda bekerja dengan kami dalam tempoh perniagaan mereka.

Kami juga akan mengumpul sesetengah maklumat daripada anda apabila anda berinteraksi dengan laman-laman web kami atau melawat premis-premis kami.

## BILA KAMI MEMPEROLEH MAKLUMAT MENGENAI PIHAK-PIHAK KETIGA DARIPADA ANDA

Jika kami memperoleh maklumat peribadi daripada anda berkaitan dengan pihak-pihak ketiga, anda menjamin bahawa anda diberi kebenaran untuk memberikan maklumat tersebut kepada kami, anda hanya akan berbuat demikian mengikut undang-undang perlindungan data yang terpakai dan anda akan memastikan bahawa sebelum berbuat demikian, mananya individu yang berkenaan diberitahu (*made aware*) bahawa Northern Trust akan memegang maklumat yang berkaitan dengan mereka dan bahawa Northern Trust mungkin menggunakan untuk sebarang tujuan yang dinyatakan dalam notis privasi ini, dan jika perlu bahawa anda akan mendapatkan persetujuan untuk penggunaan maklumat tersebut oleh Northern Trust.

## JENIS-JENIS MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPUL

### Matriks Northern Trust dan Perkhidmatan-perkhidmatan Lain

Jenis-jenis maklumat peribadi yang dikumpul oleh Northern Trust (dengan persetujuan anda, jika diperlukan oleh undang-undang yang terpakai) termasuk, tanpa had:

- (i) berkaitan dengan pelanggan-pelanggan individu dan Pelabur-pelabur, nama, alamat (termasuk alamat pos dan/atau alamat e-mel), nombor telefon, butiran akaun bank, tarikh lahir, tempat lahir, kewarganegaraan, sumber kekayaan, butiran bukti identiti (pasport, lesen memandu atau identiti kewarganegaraan, seperti yang diperlukan atau dibenarkan di bawah undang-undang), senarai-senarai penandatangan yang dibenarkan dan/atau tandatangan-tandatangan spesimen, maklumat kad perniagaan, pekerjaan, negara kediaman/kediaman cukai, jumlah yang dilabur dan pegangan Pelabur tersebut;
- (ii) berkaitan dengan pelanggan-pelanggan institusi dan Pelabur-pelabur institusi, dan mana-mana pelabur, pemegang saham, setlor, beneficiari, pengarah, pegawai atau pemilik benefisial dasar mereka, nama dan alamat (termasuk alamat pos dan/atau alamat e-mel), butiran akaun bank, tarikh lahir, kewarganegaraan, negara kediaman/kediaman cukai dan peratusan pemilikan mana-mana pelabur, pemegang saham, setlor, beneficiari, pengarah, pegawai atau pemilik benefisial dasar;
- (iii) dalam kes semua pelanggan dan Pelabur, sebarang maklumat peribadi yang diperlukan untuk mematuhi keperluan kawal selia, termasuk maklumat yang diperlukan untuk keperluan-keperluan cukai (termasuk nombor cukai dan dokumentasi) dan untuk pematuhan undang-undang tempatan atau asing;
- (iv) berkaitan dengan pengguna-pengguna mana-mana laman web dan sistem Northern Trust, termasuk Portal Matriks, nama, alamat (termasuk alamat pos dan/atau alamat e-mel) dan butiran keselamatan, serta kategori-kategori khas maklumat peribadi, seperti data biometric.

### Operasi Perniagaan

Northern Trust juga akan mengumpul dan menggunakan maklumat dalam operasi harian perniagaan kami, termasuk:

- (i) nama, alamat (termasuk alamat pos dan/atau alamat e-mel), jawatan dan peranan pekerja-pekerja dan wakil-wakil mana-mana pelanggan institusi, pembekal perkhidmatan dan rakan kongsi kami;
- (ii) nama dan butiran hubungan untuk pemasaran langsung;
- (iii) kandungan dan metadata rakaman-rakaman panggilan;
- (iv) imej-imej CCTV;
- (v) nama, tarikh dan tujuan lawatan bagi pelawat-pelawat premis kami;

### Mengendalikan Infrastruktur Elektronik kami

Northern Trust akan mengumpul maklumat melalui penggunaan laman web atau perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian lain kami, termasuk:

- (i) maklumat peranti seperti sistem pengendalian, pengenal pasti-pengenal pasti peranti unik, sistem rangkaian mudah alih;
- (ii) tetapan perkakasan dan pelayar;
- (iii) alamat IP;
- (iv) halaman-halaman yang anda lawati dalam laman web kami dan istilah-istilah enjin carian yang digunakan.

Untuk maklumat lanjut tentang apa-apa kuki dan pengenal pasti peribadi lain yang kami kumpul dan proses, sila lihat dasar kuki kami di [Cookie Policy | Northern Trust](#).

## **NOTIS PRIVASI DATA APAC**

Sekiranya anda tidak memberikan maklumat peribadi yang dinyatakan sebagai wajib (contohnya dengan asterisk dalam sesuatu borang) kepada kami, kami mungkin tidak dapat berkomunikasi dengan anda atau menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk anda.

### **MENGAPA KAMI MEMPROSES MAKLUMAT PERIBADI ANDA DAN ASAS UNDANG-UNDANG**

Northern Trust mungkin (dengan persetujuan anda, jika diperlukan oleh undang-undang yang terpakai) mengumpul dan memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

#### **Pengurusan dan Pentadbiran Perhubungan**

- Mengurus dan mentadbir mana-mana pegangan anda dalam mana-mana Dana yang berkaitan dan/atau mengurus sebarang akaun yang anda pegang dengan Northern Trust secara berterusan;
- Mengurus hubungan kami dengan anda atau institusi yang anda wakili; termasuk penubuhan, penyelaras, dan pengurusan penyampaian perkhidmatan, perjanjian kontrak, pelaporan, dan penyelesaian isu dengan sokongan daripada operasi global
- Mengemas kini dan mengekalkan rekod-rekod pelanggan dan rekod-rekod untuk pengebilan yuran.

#### **Pembangunan dan Pengurusan Perkhidmatan-perkhidmatan kami**

Northern Trust mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- Pentadbiran dan pengurusan harian perniagaan-perniagaan kami;
- Melaksanakan analisis statistik dan penyelidikan pasaran;
- Memantau dan merekod apa-apa panggilan dan komunikasi elektronik untuk (i) pemrosesan dan pengesahan arahan-arahan, (ii) menguatkuasakan dan mempertahankan hak-hak Northern Trust sendiri atau melalui pihak-pihak ketiga yang mana Northern Trust mempertanggungjawabkan tanggungjawab tersebut, (iii) kualiti, analisis perniagaan, latihan dan tujuan-tujuan berkaitan;
- Memberikan maklumat tentang apa-apa produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda atau institusi yang anda wakili kepada anda;
- Mendedahkan maklumat kepada pihak-pihak ketiga, seperti mana-mana pembekal perkhidmatan Northern Trust, juruaudit, pihak berkuasa kawal selia dan pembekal teknologi;
- Pemrosesan sekiranya berlaku penggabungan, penyusunan semula atau pelupusan, atau penggabungan, penyusunan semula atau pelupusan cadangan mana-mana ahli kumpulan (atau aset-aset mana-mana ahli kumpulan) kumpulan Northern Trust.

#### **Pencegahan dan Pengesanan Jenayah**

Northern Trust mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- Northern Trust sendiri akan (atau melalui pihak ketiga contohnya, agensi rujukan kredit) memproses maklumat tertentu tentang anda atau mana-mana pengarah, pegawai dan pekerja serta pemilik benefisial anda (jika berkenaan) untuk melaksanakan semakan-semakan pencegahan pengubahan wang haram (AML) dan tindakan-tindakan yang berkaitan yang dianggap wajar oleh Northern Trust menurut prosedur-prosedur AML Northern Trust;
- Memantau dan merakam apa-apa panggilan dan komunikasi elektronik untuk tujuan penyiasatan dan pencegahan penipuan, untuk pengesanan, pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan jenayah dan untuk menguatkuasakan atau mempertahankan hak-hak Northern Trust dan ahli-ahli gabungannya, secara sendiri atau melalui pihak-pihak ketiga yang mana Northern Trust mempertanggungjawabkan tanggungjawab atau hak-hak tersebut untuk mematuhi kewajipan undang-undang;
- Menyimpan rekod AML dan rekod individu-individu lain untuk membantu dengan penyaringan seterusnya dan usaha wajar (*due diligence*) pelanggan AML yang berterusan dan pemantauan terhadap mereka termasuk berkaitan dengan pelaburan atau dana-dana yang lain atau penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan lain oleh Northern Trust.

#### **Kewajipan Undang-undang dan Kawal Selia yang Lain**

Northern Trust mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- Melaporkan maklumat yang berkaitan cukai kepada pihak-pihak berkuasa cukai untuk mematuhi kewajipan undang-

#### **NOTIS PRIVASI DATA APAC**

undang yang terpakai kepada Northern Trust.

- Melaporkan IBAN dan maklumat akaun bank yang berkaitan kepada pihak-pihak berkuasa kawal selia untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang terpakai kepada Northern Trust.
- Di mana diperlukan berkaitan dengan pematuhan Northern Trust terhadap undang-undang yang berkenaan dan/atau berkaitan dengan permintaan yang sah dari makhamah, kerajaan atau badan kawalselia.

#### **Perlindungan dan Pentadbiran Infrastruktur Fizikal dan Elektronik kami**

Northern Trust mungkin memproses maklumat peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- Pengurusan tapak termasuk penggunaan:
  - CCTV;
  - Prosedur-prosedur log masuk; dan
  - Langkah-langkah kawalan akses.
- Memantau penggunaan laman web dan infrastruktur dalam talian untuk penambahbaikan teknikal dan keselamatan siber.
- Untuk tujuan keselamatan tapak bagi memastikan semua lokasi yang berkaitan dipantau sepanjang hari .
- Bagi tujuan pemulihan bencana, kesinambungan perniagaan, dan keselamatan maklumat.

#### **Matriks Northern Trust**

Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan berkenaan dengan pelaburan dalam sesuatu Dana, atau yang telah kami terima daripada sesuatu Dana atau Pengurus hasil daripada perkhidmatan yang kami sediakan kepada Dana atau Pengurus tersebut, bagi tujuan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan melalui Portal Matriks. Kami juga mungkin menggunakan maklumat ini bagi tujuan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada Dana-dana lain (atau Pengurus-pengurus mereka) yang anda telah melabur atau yang mana Pelabur telah melantik anda untuk mengakses Portal Matriks.

Northern Trust mungkin memproses maklumat peribadi anda berkenaan dengan Matriks Northern Trust:

- Memegang, mengekalkan dan menggunakan rekod sumber tunggal, yang berkaitan dengan setiap Pelabur;
- Melaksanakan semakan-semakan AML dan tindakan-tindakan yang berkaitan yang dianggap wajar oleh Northern Trust untuk mematuhi sebarang kewajipan undang-undang yang dikenakan ke atas Dana(-dانا) atau Northern Trust;
- Mengemas kini dan mengekalkan rekod-rekod berkenaan dengan penggunaan Matriks Northern Trust oleh kami.

Jika Pelabur telah bersetuju dengan prosedur-prosedur AML terpusat Northern Trust dan maklumat peribadi anda diperlukan berkenaan dengan semakan usaha wajar (*due diligence check*) AML untuk Pelabur itu, Northern Trust mungkin memproses maklumat peribadi anda sebagai seorang pengawal dengan:

- Menyimpan rekod AML dan rekod individu-individu lain untuk membantu dengan penyaringan seterusnya dan usaha wajar (*due diligence*) pelanggan AML dan pemantauan Pelabur-pelabur oleh Northern Trust dan ahli-ahli gabungannya, termasuk berkaitan dengan dana-dana lain atau pelanggan-pelanggan Northern Trust atau mana-mana ahli gabungannya.

Jika anda telah melanggan(*subscribe*) untuk menggunakan **Portal Matriks**, Northern Trust, sebagai seorang pengawal, di samping itu akan menggunakan maklumat peribadi anda untuk:

- Tujuan-tujuan keselamatan berkenaan dengan Portal Matriks, yang diperlukan dalam kepentingan-kepentingan sah Northern Trust dan anda, atau jika anda telah memberikan persetujuan eksplisit anda terlebih dahulu untuk penggunaan data biometrik yang berkaitan dengan anda oleh Northern Trust;
- Memudahkan urusan-urusan elektronik dan akses kepada maklumat yang berkenaan dengan pelaburan dalam Dana(-dانا),

## **NOTIS PRIVASI DATA APAC**

termasuk tanpa had pemprosesan langganan(*subscription*), penebusan, perukaran, pemindahan dan permintaan-permintaan langganan(*subscription*) tambahan, jika Dana yang berkaitan membenarkan urusan-urusan elektronik;

- Mendedahkan maklumat kepada pembekal-pembekal perkhidmatan dan aplikasi pihak ketiga untuk memudahkan pembayaran dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diakses berkenaan dengan dan untuk memudahkan pemfungsian Portal Matriks.

## **BILA KAMI BERTINDAK SEBAGAI PEMPROSES**

Walaupun notis ini menyatakan cara Northern Trust akan menggunakan maklumat peribadi anda sebagai pengawal (dan sebagai pengawal bersama (*joint controller*) dengan ahli kumpulan Northem Trust yang lain), anda juga harus ambil perhatian bahawa jika Northem Trust menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada Dana atau pelanggan institusi lain, Northern Trust akan terus bertindak sebagai seorang pemproses untuk pelanggan institusi tersebut, Dana dan/atau Pengurusnya, yang akan bertindak sebagai pengawal(-pengawal). Anda harus merujuk kepada notis perlindungan data pengawal yang berkaitan untuk memahami cara maklumat peribadi anda akan digunakan berkenaan dengan pelanggan institusi tersebut atau pelaburan dalam Dana tersebut oleh anda atau Pelabur yang telah melantik anda untuk bertindak bagi pihaknya. Northern Trust tidak akan bertindak sebagai pengawal bersama (*joint controller*) dengan pelanggan-pelanggan institusinya atau sesuatu Dana pada bila-bila masa.

## **BILA KAMI BERKONGSI DATA ANDA DENGAN ORANG LAIN**

Northern Trust mungkin (dengan persetujuan anda, jika diperlukan oleh undang-undang yang terpakai) mendedahkan maklumat peribadi anda seperti berikut:

- kepada pembekal-pembekal perkhidmatannya (atau sub-kontractornya), termasuk mana-mana ahli gabungannya, dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Northern Trust (atau sub-kontractornya) untuk memproses data untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas;
- contoh perkhidmatan yang diperoleh daripada pihak ketiga boleh termasuk: proses AML termasuk penapisan, pemantauan pengubahan wang haram dan pemeriksaan identiti, pemantauan transaksi, pengurusan hubungan dan rakaman/perondaan panggilan;
- kepada pihak-pihak berkuasa yang kompeten (termasuk pihak-pihak berkuasa cukai), mahkamah-mahkamah dan badan-badan diperlukan oleh undang-undang atau diminta, atau kepada ahli-ahli gabungan untuk penyiasatan-penyiasatan dalaman dan pelaporan, seperti yang diperlukan selaras dengan dasar dalaman kami;
- kepada ahli-ahli gabungan Northem Trust sebagai pengawal-pengawal berkenaan dengan prosedur AML terpusat Northern Trust (jika berkenaan), berkenaan dengan dana-dana pelaburan yang mana ahli-ahli gabungan tersebut bertindak sebagai pembekal perkhidmatan;
- kepada agensi-agensi rujukan kredit (contohnya, Experian) untuk melaksanakan semakan-semakan pengubahan wang haram dan identiti dan mematuhi kewajipan-kewajipan undang-undang; dan
- kepada ahli-ahli gabungan Northern Trust sebagai pengawal-pengawal berkenaan dengan pengendalian dan penyediaan maklumat melalui laman web, sistem-sistem Northern Trust dan/atau Portal Matriks, jika anda telah melanggan (*subscribe*) untuk menggunakan mereka; dan
- sekiranya berlaku penggabungan atau cadangan penggabungan, sebarang (atau sebarang cadangan) penerima pindahan, atau pengganti hakmilik (*successor-in-title*) kepada, keseluruhan atau mana-mana bahagian perniagaan kumpulan Northern Trust, dan mana-mana pegawai, pekerja, ejen dan penasihat masing-masing, setakat mana yang diperlukan untuk memberi kesan kepada transaksi tersebut.

## **BILA KAMI PINDAHKAN DATA ANDA KE PERINGKAT ANTARABANGSA**

Northern Trust mengekalkan model operasi global untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk kepada pelanggan-pelanggan secara global. Pendedahan maklumat peribadi kepada pihak-pihak ketiga yang dinyatakan di atas oleh demikian mungkin melibatkan pemindahan data keluar dari bidang kuasa anda ke bidang-bidang kuasa lain termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA"), India dan Philippines, menurut

## **NOTIS PRIVASI DATA APAC**

undang-undang perlindungan data yang terpakai dalam bidang kuasa anda (termasuk persetujuan anda jika diperlukan oleh undang- undang yang terpakai).

Jika negara-negara tersebut mungkin tidak mempunyai undang-undang perlindungan data yang sama seperti bidang kuasa anda, dan tidak diiktiraf sebagai mempunyai tahap perlindungan data yang mencukupi atau setanding di bawah undang-undang perlindungan data dalam bidang kuasa anda, kami mengambil langkah- langkah yang sesuai untuk melaksanakan pengaturan-pengaturan alternatif untuk memastikan data anda terus dilindungi secukupnya dan hak-hak privasi anda dihormati (yang mungkin termasuk sebagai contoh klausula-klausula kontrak standard).

## **BERAPAKA LAMA KAMI MENYIMPAN DATA ANDA**

Northern Trust akan menyimpan maklumat peribadi anda selama yang diperlukan untuk Northern Trust melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Secara umum, kami akan menyimpan maklumat peribadi anda selama tempoh masa kami melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut (termasuk Matriks Northern Trust) atau perkhidmatan kepada institusi yang anda wakili. Kami mungkin mengekalkan tempoh penyimpanan yang berbeza untuk produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berbeza.

Kami juga akan menyimpan maklumat peribadi anda untuk tempoh seperti yang diperlukan oleh undang- undang cukai dan syarikat, atau peraturan-peraturan lain seperti peraturan-peraturan pencegahan pengubahan wang haram dan kenali-pelanggan-anda, yang kami atau institusi anda tertakluk kepada dan selama yang diperlukan untuk anda membawa tuntutan terhadap kami dan untuk kami membela diri kami terhadap sebarang tuntutan undang-undang. Ini secara amnya ialah tempoh hubungan tambah tempoh sebarang had masa statutori yang berkenaan di bawah undang -undang tempatan.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, kami mungkin dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang yang terpakai untuk menyimpan maklumat untuk tempoh masa yang lebih lama, contohnya apabila kami terlibat dalam surat-menyerat yang sedang berjalan atau terdapat tuntutan atau penyiasatan yang berterusan.

## **MEMASTIKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA ADALAH TERKINI**

Northern Trust akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memastikan maklumat peribadi anda adalah terkini. Walaubagaimanapun, anda perlu memaklumkan Northern Trust dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam keadaan peribadi anda, atau keadaan orang lain yang dinyatakan di atas, supaya Northern Trust boleh memastikan maklumat peribadi adalah terkini. Anda harus berbuat demikian melalui Portal Matriks atau dengan menghubungi [Privacy.Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy.Compliance@ntrs.com).

## **HAK-HAK SUBJEK DATA ANDA**

Anda mungkin mempunyai hak-hak berikut di bawah dan menurut undang-undang perlindungan data yang terpakai, dalam keadaan-keadaan tertentu dan tertakluk kepada pengecualian-pengecualian tertentu, berkaitan dengan maklumat peribadi anda:

- Hak untuk mengakses maklumat peribadi anda – Anda mempunyai hak untuk meminta bahawa kami memberi satu salinan maklumat peribadi anda kepada anda dan untuk dimaklumkan tentang cara kami memperoleh dan menggunakan maklumat peribadi anda, dengan siapa maklumat peribadi tersebut dikongsikan dan siapa ialah pengawal. Anda juga mungkin mempunyai hak untuk meminta maklumat tentang cara-cara maklumat peribadi anda telah digunakan atau didedahkan.
- Hak untuk membetulkan maklumat peribadi anda – Anda mempunyai hak untuk meminta bahawa kami membetulkan maklumat peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap.
- Hak untuk menyekat penggunaan maklumat peribadi anda – Dalam keadaan-keadaan tertentu anda mempunyai hak untuk meminta kami untuk menyekat penggunaan maklumat peribadi anda. Hak ini terpakai sekiranya anda mempertikaikan ketepatan maklumat peribadi tersebut (untuk membolehkan kami untuk mengesahkan ketepatannya), maklumat tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan yang kami kumpulkan maklumat tersebut untuk tetapi diperlukan oleh anda untuk menubuhkan atau melaksanakan apa-apa tuntutan atau pembelaan undang-undang, atau kerana anda telah menggunakan hak anda untuk membantah dan kami sedang mempertimbangkan permintaan anda. Bergantung pada situasi, kami mungkin menolak permintaan anda, khususnya sekiranya menggunakan maklumat tersebut adalah diperlukan untuk tuntutan undang-undang.
- Hak untuk meminta maklumat peribadi anda dipadamkan – Dalam keadaan-keadaan tertentu, anda mungkin mempunyai hak untuk meminta kami untuk memadamkan atau menghapuskan maklumat peribadi anda. Bergantung pada situasi kami mungkin menolak permintaan anda, khususnya sekiranya kami perlu memproses maklumat tersebut untuk memenuhi

## **NOTIS PRIVASI DATA APAC**

kewajipan undang-undang kami atau sekiranya maklumat tersebut diperlukan untuk tuntutan undang-undang.

- Hak untuk membantah pemprosesan maklumat peribadi anda – Dalam keadaan-keadaan tertentu, anda mempunyai hak untuk membantah pemprosesan maklumat peribadi anda. Hak ini terpakai sekiranya kami memproses maklumat peribadi berdasarkan kepentingan sah kami atau sekiranya maklumat tersebut diproses untuk tujuan pemasaran langsung. Kami akan menyemak permintaan ini untuk menentukan sekiranya kami mempunyai kepentingan sah yang meyakinkan (*compelling*) yang mengatasi hak-hak dan kebebasan anda.
- Hak untuk kemudahan data – Dalam keadaan-keadaan tertentu anda mempunyai hak untuk meminta kami memberikan maklumat peribadi anda kepada anda atau pengawal lain dalam format berstruktur, biasa digunakan, boleh dibaca mesin. Hak ini terpakai apabila kami memproses maklumat anda dengan cara automatik dan pemprosesan ini adalah berdasarkan persetujuan anda atau pelaksanaan sesuatu kontrak dengan anda.

Skop hak-hak ini mungkin berbeza dari satu bidang kuasa ke satu bidang kuasa. Anda boleh melaksanakan hak-hak ini pada bila-bila masa dengan menghubungi Northern Trust melalui e-mel di [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com). Kami mungkin mengenakan bayaran yang berpatutan untuk memproses permintaan anda jika dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Jika anda telah memberikan persetujuan anda kepada pemprosesan (contohnya, untuk menerima maklumat tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda atau institusi yang anda wakili), anda boleh menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghubungi Northern Trust melalui e-mel di [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com).

Apabila anda menarik balik persetujuan anda kepada pemprosesan maklumat peribadi anda, atau apabila Northern Trust memerlukan maklumat peribadi anda untuk mematuhi AML atau kewajipan undang-undang lain dan anda gagal memberikan maklumat ini, Northern Trust tidak akan dapat menyediakan perkhidmatan kepada anda atau institusi yang anda wakili, memudahkan urusan-urusan dalam Dana(-dana) (sama ada elektronik atau selainnya) atau memberikan maklumat berkaitan dengan Dana-dana kepada anda melalui Portal Matriks.

## **BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI PIHAK BERKUASA PENYELIAAN**

Anda mempunyai hak untuk membuat aduan berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi anda oleh Northern Trust:

- di mana kediaman biasa atau tempat kerja anda atau pelanggaran yang didakwa adalah di Australia, dengan Pejabat Pesuruhjaya Maklumat Australia (Office of the Australian Information Commissioner), yang boleh dihubungi di: <https://www.oaic.gov.au>;
- di mana kediaman biasa atau tempat kerja anda atau pelanggaran yang didakwa adalah di Hong Kong SAR, dengan Pejabat Pesuruhjaya Privasi bagi Data Peribadi (Office of the Privacy Commissioner for Personal Data), Hong Kong, yang boleh dihubungi di [complaints@pcpd.org.hk](mailto:complaints@pcpd.org.hk);
- di mana kediaman biasa atau tempat kerja anda atau pelanggaran yang didakwa adalah di Jepun, dengan Suruhanjaya Perlindungan Maklumat Peribadi (Personal Information Protection Commission), yang boleh dihubungi di Kasumigaseki Common Gate West Tower Tingkat 32, 3-2-1, Kasumigaseki, Chiyoda-ku, Tokyo, 100-0013, Jepun;
- di mana kediaman biasa atau tempat kerja anda atau pelanggaran yang didakwa adalah di Singapura, dengan Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection Commission), yang boleh dihubungi melalui borang dalam talian yang tersedia di <https://www.pdpc.gov.sg/Contact-Us>
- di mana kediaman biasa atau tempat kerja anda atau pelanggaran yang didakwa adalah di Malaysia, dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection Commissioner), yang boleh dihubungi melalui borang dalam talian yang tersedia di [https://daftar.pdp.gov.my/p\\_aduan](https://daftar.pdp.gov.my/p_aduan)
- di mana kediaman biasa atau tempat kerja anda atau pelanggaran yang didakwa adalah di Republik Rakyat China (tidak termasuk Hong Kong SAR, Macau SAR dan Taiwan), dengan Pentadbiran Pengawalseliaan Kewangan Kebangsaan (National Financial Regulatory Administration), dengan pejabatnya di 15 Financial Street, Xicheng District, Beijing, 100033; atau

## BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau aduan tentang penggunaan maklumat peribadi anda oleh kami, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com), dan/atau:

- di Australia:

Contact: Compliance Officer, The Northern Trust Company  
Portal Address: Level 12, 120 Collins Street, Melbourne Victoria 3000, Australia  
Email: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com)  
Telephone Number: +61 3 9947 9300

- di Hong Kong SAR:

Contact: Risk Officer, The Northern Trust Company of Hong Kong Limited  
Postal Address: 88 Queensway, Suite 1901 19th floor, Two Pacific Place Central, Hong Kong SAR China  
Email: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com)  
Telephone number: +852 2918 2900

- di Jepun:

Contact: Compliance Manager, Northern Trust Global Investments Japan, K.K.  
Postal Address: ArkHills Sengokuyama Mori Tower 9-10, Roppongi 1-chome Minato-ku, Tokyo 106-0032 Japan  
Email: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com)  
Telephone number: +81 3-5575-5780

- di Malaysia:

Contact: Data Privacy Officer, The Northern Trust Company  
Postal Address: Suite 8.01, Level 8, Menara Binjai, 2 Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur  
Email: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com)  
Telephone Number: +65 6437 6666

- di Republik Rakyat China (yang bagi tujuan notis ini akan dianggap sebagai mengecualikan Hong Kong SAR, Macau SAR, dan Taiwan):

Contact: Branch Head, The Northern Trust Company  
Postal Address: Yintai Center, Tower C, 21st Floor, Unit 2106B, #2 Jianguomenwai Avenue, Chaoyang District, Beijing, China – 100022  
Email: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com)  
Telephone Number: +86 10 8513 5300

- di Singapura:

Contact: Data Privacy Officer, The Northern Trust Company Postal Address: One George Street, #12-06, Singapore 049145  
Email: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com)  
Telephone Number: +65 6437 6666

**APPENDIX 1 – NORTHERN TRUST ENTITIES**

<b>NT Group entity</b>	<b>Company Registration Address</b>
The Northern Trust Company, Singapore branch	One George Street, #12-06, Singapore 049145
The Northern Trust Company, Melbourne branch	Level 12, 120 Collins Street, Melbourne Victoria 3000, Australia
The Northern Trust Company, Beijing branch	Yintai Center, Tower C, 21 <sup>st</sup> Floor, Unit 2106B, #2 Jianguomenwai Avenue, Chaoyang District, Beijing, China – 100022
Northern Trust Global Investments Japan, K.K.	ArkHills Sengokuyama Mori Tower 9-10, Roppongi 1-chome Minato-ku, Tokyo 106-0032 Japan
The Northern Trust Company of Hong Kong Limited	Suites 1901-12 & 1921-22, 19 <sup>th</sup> Floor, Two Pacific Place, 88 Queensway, Hong Kong
Northern Operating Services Private Limited	6th Floor, Argon South Tower, Bagmane Solarium City, Kundalahalli Road, K R Puram Hobli, Doddanekundi Village, Bengaluru - 560037, Karnataka, India
Northern Operating Solutions Private Limited	9th Floor, Tower B. EON Kharadi Infra Pvt Ltd Phase II SEZ, Survey No. 72/2/1 Kharadi, Pune 411014, Maharashtra, India
Northern Operating Services Asia Inc.	8th Floor Tower 3, 9 East, 11th Drive, Uptown Bonifacio, Taguig City, the Philippines
Northern Trust Asset Management Australia Pty Ltd	Level 12, 120 Collins Street, Melbourne Victoria 3000, Australia
Northern Trust Securities Australia Pty Ltd	Level 12, 120 Collins Street, Melbourne Victoria 3000, Australia

**Data Protection Contact Email Address** – For all Northern Trust Group entities, please contact: [Privacy\\_Compliance@ntrs.com](mailto:Privacy_Compliance@ntrs.com).

\*These entities also act as joint controller for the purposes of providing Northern Trust Matrix services.